

Jenis Akhbar : SH Online
Tarikh : 02/03/2022
Edisi / Muka Surat : www.sinarharian.com.my
Tajuk : Abdullah CEO baharu ANGKASA

Abdullah CEO baharu ANGKASA

FARAH SHAZWANI ALI | 01 Mac 2022



Datuk Abdullah Jusoh

PETALING JAYA - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) mengumumkan pelantikan Datuk Abdullah Jusoh sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Angkasa yang baharu, berkuat kuasa pada Selasa.

Abdullah sebelum ini merupakan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan merangkap Ketua Pegawai Operasi Angkasa pada tahun 2016 dan seterusnya memegang jawatan sebagai Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan mulai 8 Januari 2022.

Presiden Angkasa, Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah berkata, pelantikan ini dibuat oleh Lembaga Angkasa selepas Abdullah menunjukkan prestasi dan kebolehan yang amat baik sepanjang berkhidmat di Angkasa sejak tahun 1988.

“Beliau memulakan kerjaya sebagai Penolong Pengarah Audit dan Akaun, Jabatan Pembangunan Koperasi Malaysia pada tahun 1982 hingga 1988. Sepanjang berkhidmat di Angkasa, beliau pernah memegang beberapa jawatan kanan sebagai Timbalan Bendahari Eksekutif Angkasa dari tahun 1988 hingga 2010 dan Pengurus Bahagian Perkhidmatan Kredit dan Perbankan dari tahun 2010 sehingga 2016.

“Perkhidmatan cemerlang Abdullah dalam menguruskan Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA) telah meningkatkan prestasi dan kecemerlangan perkhidmatan potongan gaji dengan penggunaan teknologi terkini yang mampu memproses data dengan lebih pantas, cekap dan selamat.

“Perkhidmatan cemerlang beliau telah meningkatkan jumlah potongan BPA dari kutipan potongan sebanyak kira-kira RM750 juta sebulan pada tahun 2010 kepada kira-kira RM1.1 bilion sebulan mulai tahun 2015,” jelas Abdul Fattah dalam satu kenyataan pada Selasa.

Abdullah berkelulusan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Kebangsaan Malaysia merupakan ahli fello The Institute of Cooperative Management and Auditors (FICMA) dan ahli bersekutu The Institute of Internal Auditors (AIIAM).

Tambah Abdul Fattah, kredibiliti Abdullah juga dilihat apabila beliau dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah dan Pengarah Eksekutif MyAngkasa Holdings Sdn. Bhd. untuk menerajui dan menguruskan perniagaan Angkasa dan subsidiari bermula Disember 2020.

Beliau juga berjaya mengubah operasi dan struktur MyAngkasa Holdings Sdn. Bhd. dan anak-anak syarikat dan menunjukkan perkembangan memberangsangkan.

“Lantikan beliau amat bertepatan dengan hala tuju Angkasa untuk memperkasa bidang pemborongan dan peruncitan bagi mencapai sasaran perolehan RM7.2 bilion, projek pembidaan lesen perbankan digital dari Bank Negara Malaysia dan Integrasi Sistem Potongan Gaji Angkasa (SPGA).

“Dengan pengalaman luas lebih tiga dekad dalam sektor koperasi, kita percaya beliau akan menerajui dan memperkuuh lagi tadbir urus, operasi dan perkhidmatan dalam memaju dan membangunkan Angkasadan gerakan koperasi negara,” ujar beliau.